



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KOMPETENSI
BLOK 4803 SUITE 0-2 BANGUNAN CBD PERDANA
OFF PERSIARAN MULTIMEDIA
63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-8317 9000/1 (Talian Umum)
Faks : 03-8317 9119 (Pentadbiran)
03- 8317 9118
Laman web : [http:// www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KP(BBPK) 121/ 10 Jld. 1 (44)
Tarikh : 28 Zulhijjah 1429H
26 Disember 2008

Semua Pengarah Bahagian/ Jabatan
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Semua Pegawai Pelajaran Daerah (PPD)

Semua Pegawai Pelajaran Daerah/ Gabungan (PPD/ PPG)

Semua Pegawai Pelajaran Daerah Kecil (PPDK)

Semua Pengarah Institut Perguruan (IPG)

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Semua Ketua Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri

Tuan,

**PERUBAHAN KAEDAH PENILAIAN PTK BAGI PEMBANTU TADBIR RENDAH (PTR) GRED N11
DAN N14 MULAI TAHUN 2009**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia telah menetapkan bahawa ujian bertulis tidak lagi digunakan sebagai kaedah penilaian PTK Gred 1 hingga 16. Sehubungan dengan itu, Lembaga Penilaian Kompetensi Kementerian Pelajaran Malaysia (LPKKPM) pada 24 Oktober 2008 telah memutuskan bahawa PTK bagi Pembantu Tadbir Rendah (PTR) gred N11 dan N14 akan dilaksanakan mengikut kaedah Pemerhatian dan Temuduga mulai tahun **2009**. Di bawah kaedah yang baru ini, komponen Khusus akan digantikan dengan Temuduga manakala komponen Umum akan digantikan dengan Pemerhatian.

3. Oleh yang demikian, anggota Pembantu Tadbir Rendah (PTR) Gred N11 dan N14 tidak perlu menduduki komponen Pemerhatian dan Temuduga Tahun 2008 kerana telah pun menduduki Peperiksaan PTK Siri Mac/ Ogos 2008 di bawah kendalian Majlis Peperiksaan Malaysia .

4. Pendaftaran untuk pelaksanaan penilaian PTK yang baru bagi Pembantu Tadbir Rendah (PTR) Gred N11 dan N14 ini akan bermula apabila pendaftaran PTK Tahun 2009 dijangka dibuka pada **Mei 2009**.

Kerjasama tuan dalam membantu memaklumkan perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih .

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CINTAILAH BAHASA KITA”

Saya yang menurut perintah,

(AZME BIN HUSSAIN)

Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Pelajaran Malaysia

Tel : 03 – 8317 9003

Faks : 03 – 8317 9090

s.k: 1. TKSU (P)
 2. SUB (BPPK)
 3. TSUB (PK)